

Penyelidik UMS perkenal minuman AliStyrTM, ALITETM untuk dikomersial

2 produk baharu Tongkat Ali dihasil

UM 20.8.2014 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 19 Ogos

- Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahu menggiatkan usaha mengkomersialkan dua produk keluarannya ke pasaran tempatan dan nasional, malah seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Dua produk berkenaan ialah AliStyrTM (Tongkat Ali Stirrer Impregnated with Honey) serta ALITETM (Tongkat Ali Tea) yang dihasilkan oleh penyelidik dari



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Awang Ahmad Mohd. Yunus.

UMS dalam kenyataannya menyatakan, pihaknya menandatangani perjanjian pengkomersilan bersama sebuah syarikat tempatan, Borneo Rainforest Herbs Sdn. Bhd. bagi me-

6 Borneo Rainforest Herbs diberikan lesen eksklusif untuk menggunakan maklumat teknikal, selain syarikat itu dibenarkan untuk mengajar penyelidik UMS bagi mengeluarkan dua produk tersebut

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

masarkan produk kecergasan tersebut.

Melalui perjanjian itu, Borneo

Rainforest Herbs diberikan lesen eksklusif untuk menggunakan maklumat teknikal, selain syarikat itu

dibenarkan untuk mengajar penyelidik UMS bagi mengeluarkan dua produk tersebut.

Selain itu, syarikat berkenaan turut membawa dua produk tersebut ke Persidangan dan Pameran Produk Perubatan dan Kesihatan di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong baru-baru ini.

"Perjanjian itu juga melayakkan pihak industri untuk menggunakan serta menjual produk AliStyrTM dan ALITETM di pasaran domestik," katanya.